

KEMAHIRAN MEMBACA DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB

Azhar Muhammad
Kamarul Azmi Jasmi
Mohd Ismail Mustari
Roshayati Nasbon
Norhasanatul Fadzilah Awang

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Muhammad, A., Jasmi, K. A., Mustari, M. I., Nasbon, R., Awang, N. F. (2012). Kemahiran Membaca dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab in *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012] (International Seminar on Teacher and Islamic Education [SEAPPI2012])* at Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru on 8-9 March 2012, pp. 901-910. ISBN 99917-44-89-4.

Abstrak

Kebolehan membaca merupakan salah satu daripada perkara asas yang perlu ada pada setiap individu yang ingin menguasai sesuatu bahasa. Mempelajari bahasa Arab memerlukan kemahiran-kemahiran yang tertentu dan kemahiran membaca adalah salah satu kemahiran yang perlu dikuasai selain kemahiran bercakap atau lisan, kemahiran menulis dan kemahiran mendengar. Kertas ini membincangkan kemahiran membaca sebagai salah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar untuk mempelajari bahasa Arab. Beberapa aspek utama tentang kemahiran ini diketengahkan bagi melihat kepentingan kemahiran ini khususnya dalam pembelajaran bahasa Arab. Antara yang dibincangkan ialah tujuan membaca, ciri-ciri pembaca yang baik, jenis bacaan, dan peringkat membaca. Juga dinyatakan langkah pengajaran tahap rendah, pertengahan, dan lanjutan; masalah penguasaan bacaan bahasa Arab dan gaya pembelajaran, serta pengenalan bentuk bacaan intensif dan ekstensif. Kemahiran membaca dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah masih berada pada tahap lemah kerana pelajar tidak dapat menguasai kemahiran bahasa ini disebabkan kurang berminat terhadap bahasa Arab di samping kurang penggunaan bahasa ini dalam interaksi seharian. Pelajar hanya mempelajari bahasa ini di sekolah dengan masa yang terhad dan kurang kesedaran tentang kepentingan bahasa ini menjadikan pembelajaran bahasa ini berada di tahap yang masih lemah.

KEMAHIRAN MEMBACA DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB

Azhar Muhammad
Kamarul Azmi Jasmi
Mohd Ismail Mustari
Roshayati Nasbon
Norhasanatul Fadzilah Awang

Abstrak

Kebolehan membaca merupakan salah satu daripada perkara asas yang perlu ada pada setiap individu yang ingin menguasai sesuatu bahasa. Mempelajari bahasa Arab memerlukan kemahiran-kemahiran yang tertentu dan kemahiran membaca adalah salah satu kemahiran yang perlu dikuasai selain kemahiran bercakap atau lisan, kemahiran menulis dan kemahiran mendengar. Kertas ini membincangkan kemahiran membaca sebagai salah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar untuk mempelajari bahasa Arab. Beberapa aspek utama tentang kemahiran ini diketengahkan bagi melihat kepentingan kemahiran ini khususnya dalam pembelajaran bahasa Arab. Antara yang dibincangkan ialah tujuan membaca, ciri-ciri pembaca yang baik, jenis bacaan, dan peringkat membaca. Juga dinyatakan langkah pengajaran tahap rendah, pertengahan, dan lanjutan; masalah penguasaan bacaan bahasa Arab dan gaya pembelajaran, serta pengenalan bentuk bacaan intensif dan ekstensif. Kemahiran membaca dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah masih berada pada tahap lemah kerana pelajar tidak dapat menguasai kemahiran bahasa ini disebabkan kurang berminat terhadap bahasa Arab di samping kurang penggunaan bahasa ini dalam interaksi seharian. Pelajar hanya mempelajari bahasa ini di sekolah dengan masa yang terhad dan kurang kesedaran tentang kepentingan bahasa ini menjadikan pembelajaran bahasa ini berada di tahap yang masih lemah.

PENGENALAN

Bahasa Arab merupakan bahasa yang digunakan dalam kitab al-Quran. Ia juga merupakan bahasa agama yang digunakan seluruh umat Islam di muka bumi ini sama ada dari keturunan Arab atau bukan Arab. Kedudukan ini dinikmati oleh bahasa Arab sejak ia dipilih oleh Allah untuk menjadi lidah bagi wahyu-Nya dan akan berkekalan hingga ke hari kiamat (Muhammad Bukhari, 1994).

Banyak keistimewaan yang kita peroleh dalam mempelajari bahasa Arab ini. Menurut Muhammad Bukhari (1994), terdapat beberapa keistimewaan yang dimiliki bahasa Arab selain daripada sifat luarannya sebagai bahasa al-Quran dan bahasa agama. Bahasa Arab merupakan bahasa yang kuat dan ringkas. Bahasa ini dapat bertahan hingga ke hari ini berbanding dengan bahasa-bahasa sezamannya yang telah musnah seperti bahasa Asyurit, Qibti dan lainnya. Ia merupakan bahasa *irab* iaitu bahasa yang boleh berlaku perubahan pada tanda baris yang sekaligus boleh menyebabkan perubahan maknanya.

Kebolehan membaca merupakan salah satu daripada perkara asas yang perlu ada pada setiap individu yang ingin menguasai sesuatu bahasa. Kepentingan membaca telah didefinisikan sebagai “menyuarakan tulisan, mengambil isi dan fikiran yang tertulis dan memahami kandungannya” (Kamaruddin Husin, 1986). Selain itu menurut Salihan Siahs (1993), membaca

adalah mentafsir dan memikir tentang satu simbol dan tulisan. Ia juga meliputi aktiviti memaham makna tulisan, penyerapan maklumat dan idea yang dihuraikan oleh seorang penulis. Kebolehan membaca bukan sahaja merupakan salah satu daripada perkara asas yang perlu ada bagi individu yang ingin menguasai sesuatu bahasa bahkan ia juga penting dalam mencapai sesuatu kejayaan tidak kira dalam apa jua bidang.

Mempelajari bahasa Arab memerlukan kemahiran-kemahiran yang tertentu dan kemahiran membaca adalah satu kemahiran yang perlu dikuasai selain daripada kemahiran bercakap atau lisan, kemahiran menulis dan kemahiran mendengar. Kemahiran membaca ini juga telah dimiliki dan dipelajari oleh para sahabat Rasulullah SAW yang ditugaskan untuk menulis wahyu.

TUJUAN MEMBACA

Menurut Kamarudin Husin (1998), seseorang itu membaca dikatakan mempunyai dua tujuan iaitu tujuan serta merta dan tujuan lanjut. Tujuan serta-merta merupakan tujuan muktamad yang berhasrat untuk membolehkan individu membaca dan memaham. Manakala tujuan lanjut pula merupakan lanjutan daripada tujuan serta merta iaitu sebagai pengetahuan untuk dijadikan panduan hidup serta digunakan sebagai penyelesaian kepada masalah di dalam hidup seharian. Selain daripada itu, antara tujuan lain seseorang individu itu membaca adalah untuk menghibur dan mengisi masa lapang, untuk mengisi keperluan rohani iaitu ibadat, untuk mempelajari kaedah-kaedah atau tertentu seperti mengetahui pengertian sesuatu konsep, untuk mendapatkan maklumat secara am atau tertentu seperti mengetahui pengertian sesuatu konsep, untuk menilai secara kritikal dan membuat analisis tentang sesuatu isu, untuk mengulang-kaji pelajaran bagi menghadapi peperiksaan dan untuk meningkatkan kematangan pemikiran.

DEFINISI MEMBACA DAN CIRI-CIRI PEMBACA YANG BAIK

Membaca telah didefinisikan oleh beberapa pakar bahasa dan bacaan dalam pelbagai pemahaman. Mengikut Bush dan Guebner (1975), bacaan ialah: “tafsiran simbol tulisan, memahami makna tulisan, penyerapan idea yang dipersembahkan oleh penulis dan proses berfikir”. Kenedy (1981) pula mentafsirkan bacaan ialah: “proses berfikir yang melibatkan pembaca memahami idea pembaca memahami idea mengikut pengalaman, keperluan dan tujuan membaca”.

Menurut Kamus Pelajar, membaca ialah membunyikan huruf-huruf yang ditulis, melihat dan memahami apa-apa yang ditulis. Mengikut fahaman dahulu membaca ialah semata-mata memindahkan tulisan kepada suara dan mengikut fahaman sekarang membaca bukanlah mermakna memindahkan tulisan kepada suara sahaja bahkan menangkap makna dan memahami apa yang dibaca. Oleh itu definisi membaca ialah menyuarakan tulisan, mengambil isi dan fikiran yang tertulis dan memahamkan kandungannya. Antara ciri pembaca yang baik ialah:

- (1) Berkeupayaan untuk cepat mengenal pasti makna simbol-simbol, boleh menyebutnya, boleh mengaitkan antara simbol, sebutan dan makna yang ditulis.
- (2) Membaca dengan kelajuan yang sesuai dengan bahan yang dibaca.
- (3) Membaca dengan ada tujuan iaitu jika tujuannya ialah untuk sebutan yang betul walaupun bacaannya lambat, jika tujuannya untuk mencari fakta, idea dan isi dengan bacaan cepat atau sepintas lalu.
- (4) Mengingati semula apa yang telah dibaca dan mencari kenyataan dan fakta-fakta dalam ayat yang dibaca.
- (5) Membaca idea-idea umum dalam teks dan aplikasi atau kaitkan dengan pengalaman pembaca.
- (6) Mengetahuai apa yang perlu untuk dibaca.
- (7) Melibatkan pembelajaran, renungan, memberi nilai, analisis, sintesis, meberi maklumat, memilih maklumat dan seterusnya.

JENIS-JENIS BACAAN

Bagi seseorang yang melakukan aktiviti pembacaan, ia akan melakukan pembacaan mengikut tujuan ia membaca. Antara jenis bacaan yang dilakukan hasil daripada tujuan seseorang itu membaca ialah bacaan bersuara, bacaan senyap, dan bacaan contoh (bagi guru).

Bacaan Bersuara

Bacaan jenis ini adalah lebih menjurus kepada meminta seseorang untuk menyebut dan membacanya dengan betul. Ia tidak mementingkan kepada kefahaman seseorang itu. Bacaan bersuara ini biasanya dilaksanakan pada pelajar tahap rendah dan peringkat kelas permulaan Tujuannya ialah supaya murid-murid dapat membunyikan bunyi-bunyi sebutan dengan betul, gaya dan rentak irama yang sempurna. Murid-murid juga dapat mengetahui menggunakan tanda-tanda bacaan serta tahu mana tempat berhenti dan tahu pula berhenti pada tempat-tempat yang betul, terutamanya belajar bahasa Arab sebagai pembelajaran bukan bahasa ibunda.

Bacaan Senyap

Bacaan jenis ini ialah bacaan yang disuarakan di dalam hati dan tanpa suara. Bacaan jenis ini membolehkan seseorang menumpukan perhatian yang lebih jika dibandingkan dengan jenis bacaan yang di atas dan memerlukan kefahaman seseorang. Jenis bacaan senyap ini dapat melatih murid-murid membaca dengan sendiri dan memahami apa yang dibaca sementara guru pula boleh membantu dan memandu murid-murid yang lemah.

Bacaan Contoh (Bagi Guru)

Bacaan jenis ini dilakukan oleh guru bagi menunjukkan bacaan yang betul kepada pelajar sebelum memulakan pengajarannya.

PERINGKAT MEMBACA

Terdapat lima peringkat mengajar bacaan yang harus diketahui oleh guru-guru iaitu peringkat menyediakan murid peringkat mendirikan bacaan asas peringkat membina sikap gemar membaca.

Peringkat Menyediakan Murid

Guru hendaklah mengenal pasti murid-murid yang akan diajar sama ada sudah bersedia untuk menerima pelajaran atau belum. Murid-murid yang berada di dalam satu kelas sudah tentu datang daripada pelbagai lapisan masyarakat. Oleh itu, guru hendaklah memberikan perhatian kepada dua perkara penting pada murid iaitu perasaan murid dan pertuturan murid semasa di rumah.

Peringkat Mendirikan Bacaan Asas

Peringkat ini memerlukan guru memberi penekanan penting terhadap bahan-bahan yang hendak diajar seperti menggunakan gambar atau warna-warna yang boleh menarik minat murid. Selain itu bahan bacaan hendaklah berkait rapat dengan persekitaran dan pengalaman murid dan sesuai dengan perkembangan jiwa kanak-kanak.

Peringkat Melatih Membaca dan Memahami

Guru hendaklah menggunakan bahan atau isi bacaan yang sesuai dengan peringkat umur pelajar. Kemahiran membaca bukan sahaja murid-murid dapat menyebut bunyi tetapi mestilah juga dapat memahami apa yang dibaca. Bacaan hendaklah disertakan dengan soalan-soalan yang sesuai untuk menguji kefahaman murid-murid selepas membaca.

Peringkat Membaca Untuk Hiburan dan Mencari Pengetahuan

Murid-murid yang telah pandai membaca akan mencari bahan-bahan bacaan yang digemari olehnya untuk mengisi masa lapang dan gembira dengan bacaannya. Kebanyakan kanak-kanak gemar membaca cerita dongeng, cerita bergambar, cerita-cerita jenaka, binatang dan sebagainya. Kanak-kanak di peringkat ini hendaklah disediakan bahan bacaan tersebut di rumah atau di sekolah. Bacaan yang sesuai dan menarik minat akan mengalakkan murid untuk terus membaca. Bahan-bahan bacaan untuk pengetahuan hendaklah diseimbangkan dengan bahan-bahan bacaan untuk hiburan.

Peringkat Membina Sikap Gemar Membaca

Sikap ini banyak bergantung kepada pengajaran guru yang pandai memilih bahan-bahan pelajaran yang baik untuk bacaan murid, kaedah mengajar dan teknik pengajaran yang baik dan seterusnya berjalan sepanjang murid itu belajar. Sekiranya hal ini berterusan maka akan terbina dan terpeliharalah sikap minat untuk membaca dalam kalangan murid.

LANGKAH PENGAJARAN KEMAHIRAN MEMBACA

Terdapat tiga peringkat pengajaran untuk kemahiran membaca, iaitu peringkat rendah peringkat pertengahan peringkat pertengahan dan lanjutan.

Peringkat Rendah

Bagi seseorang guru yang ingin mengajar bacaan maka ia perlulah dimulakan dari bawah agar ia dapat memudahkan pelajar untuk mempelajarinya, pada peringkat ini guru hendaklah memulakan pengajaran sebagaimana aktiviti berikut:

Aktiviti 1

Pengenalan huruf tunggal Arab tanpa sistem baris dan tanda iaitu mengenali huruf-huruf hija'iyah. Manakala pelaksanaan aktiviti adalah seperti berikut:

- (1) Guru menunjukkan semua huruf tunggal Arab tanpa sistem tanda dan baris.
- (2) Guru membacakan semua huruf tunggal Arab tersebut dan meminta murid membaca mengikut contoh bacaan guru secara ramai atau individu.
- (3) Guru mengedarkan kad imbasan huruf tunggal Arab pada setiap murid.
- (4) Guru meminta wakil murid untuk menyebut satu huruf dan murid yang mempunyai kad huruf tersebut diminta menunjukkannya dan menampalkannya di papan hijau, proses ini dilakukan sehingga selesai semua huruf.

Contoh huruf-huruf tunggal Arab tanpa tanda dan baris

ج	ث	ت	ب	ا
ر	ذ	د	خ	ح
ض	ص	ش	س	ز
ف	غ	ع	ظ	ط
ن	م	ل	ك	ق
ي	ء	لا	ه	و

Aktiviti 2

Pengenalan huruf tunggal Arab dan bersambung dengan sistem tanda dan baris. Bagi peringkat kemahiran asas huruf-huruf Arab sama ada tunggal atau bersambung perlu diletakkan tanda dan baris supaya murid dapat mengenal dan membaca huruf dan perkataan dengan betul dan lancar. Pelaksanaan aktiviti:

- (1) Guru menunjuk dan membaca semua huruf tunggal Arab berbaris satu di atas dan meminta murid-murid mengikut secara beramai dan individu.
- (2) Guru menunjuk dan membaca semua huruf tunggal Arab berbaris satu di bawah dan meminta murid-murid mengikutnya secara ramai dan individu.
- (3) Guru menunjuk dan membaca semua huruf tunggal Arab berbaris satu di depan dan meminta murid mengikutnya secara beramai dan individu.
- (4) Guru menunjuk dan membaca huruf tunggal Arab yang berbaris satu di atas, satu di bawa dan satu di depan dan minta murid mengikutnya secara ramai dan individu.
- (5) Guru menunjuk huruf tunggal Arab berbaris dua di atas, dua di bawah dan dua di depan dan seterusnya huruf berbaris sukun (mati) dan syaddah (sabdu) dan meminta murid mengikutnya secara beramai dan individu.
- (6) Guru mengedar kad imbasan pelbagai baris kepada setiap murid dan meminta murid membaca huruf berbaris tersebut secara individu. Kad-kad tersebut boleh ditukar supaya setiap murid dapat peluang membaca huruf-huruf yang berbeza.
- (7) Seterusnya guru menunjukkan satu perkataan pelbagai baris dan murid-murid diminta membacanya secara individu dan beramai-ramai.
- (8) Apabila sudah lancar, guru menunjukkan beberapa perkataan yang mengandungi huruf bersambung dengan baris yang berbeza. Murid diminta membacanya secara individu dan beramai-ramai.

Contoh-contoh huruf dan perkataan pelbagai baris

جَ	ثَ	تَ	بَ	أَ
رَ	ذَ	دَ	خَ	حَ
قُ	غُ	طُ	صُ	سُ
ثَمَ	هَلْ	لَ	مَ	مَا
مَدْرَسَةٌ	هَذَا	بَيْتٌ	كَرِيمٌ	قُرْأٌ
كِتَابٌ	أَيْنَ	عَلَى	شَجَرَةٌ	قِطٌ

Peringkat Pertengahan

Aktiviti peringkat pertengahan ialah pengenalan teks dan ayat mudah. Pelaksanaan aktiviti pula seperti berikut:

- (1) Guru mengedar kepada pelajar teks mudah dan menyuruh pelajar membacanya secara senyap dalam tempoh yang diberikan.
- (2) Guru memberikan soalan untuk menguji kefahaman teks dengan soalan dan jawapan yang pendek.

- (3) Pelajar diminta untuk membaca secara kuat dengan dimulakan pelajar yang baik sebagai model untuk pelajar yang lain.
- (4) Pelajar diberi latihan dalam buku latihan.

Contoh ayat:

هَذِهِ مَدْرَسَةٌ جَمِيلَةٌ
بَيْتُهُ فِي تَامَن فَاسِيرِ فَوْتِيهِ
أَنَا أَجْلِسُ عَلَى الْكُرْسِيِّ
أَوْقَفَ الْمُعَلِّمُ التَّلَامِيذَ
تَطْبَخُ الْأُمُّ فِي الْمَطْبَخِ

Peringkat Pertengahan dan Lanjutan

Aktiviti peringkat pertengahan dan lanjutan ialah membaca perkataan, ayat atau frasa yang sukar. Manakala pelaksanaan aktiviti adalah seperti berikut:

- (1) Mulakan pengajaran dengan mengemukakan soalan yang berkaitan dengan mengemukakan soalan yang berkaitan dengan subjek pengajaran.
- (2) Pelajar membaca dengan bacaan yang senyap dengan menggariskan perkataan atau frasa yang sukar.
- (3) Guru mengadakan perbincangan idea umum dengan murid melalui soalan yang diberikan untuk menguji kefahaman murid.
- (4) Guru meminta murid menjelaskan perbendaharaan kata dan mrencatkannya di papan hijau.
- (5) Wakil murid membaca dengan kuat mengikut pemecahan perenggan dan tajuk-tajuk.
- (6) Membaca dengan kuat untuk kali kedua bagi membetulkan kesilapan pada bacaan.
- (7) Membincangkan idea melalui soalan yang diberikan oleh guru untuk menguji kefahaman murid.
- (8) Guru meminta murid meringkaskan tajuk secara lisan.

Contoh ayat:

الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ وَهُوَ مَاهِرٌ بِهِ مَعَ السَّفَرَةِ الْكِرَامِ الْبَرَّةِ ، وَالَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ
وَيَتَتَعْتَعُ فِيهِ وَهُوَ عَلَيْهِ شَاقٌ فَلَهُ أَجْرَانِ .

MASALAH PENGUASAAN BACAAN BAHASA ARAB

Membaca adalah aktiviti memindahkan tulisan kepada suara yang menggabungkan beberapa kemahiran iaitu kemahiran melihat, mendengar dan membezakan bunyi-bunyi. Gabungan bunyi yang dilambangkan oleh huruf-huruf hija'iyah iaitu alif (ا) hingga ya (ي) akan membentuk suku kata, kalimah, frasa, ayat dan sebagainya. Oleh kerana membaca memerlukan beberapa kemahiran maka membaca bukanlah satu perkara yang mudah untuk diajar kepada murid-murid. Terdapat beberapa kemungkinan dalam kelemahan membaca dalam bahasa Arab. Antaranya ialah:

- (1) Murid masih tidak memahami kepentingan bahasa yang dipelajari dengan menganggap bahasa Arab tidak membawa keuntungan. Kajian oleh Mat Huda Sanusi (1999) mendapati bahawa ramai di kalangan murid-murid kurang berminat membaca buku bahasa Arab. Ini berpunca daripada pelajar yang kurang berminat mempelajari bahasa ini dengan lebih mendalam. Menurutnya lagi, pelajar tidak menunjukkan minat kerana menganggap subjek ini tidak diperlukan dalam subjek-subjek yang lain.
- (2) Tahap penguasaan yang rendah serta kekurangan lain seperti kecacatan mental dan emosi.
- (3) Kelemahan daya ingatan. Bahasa Arab mempunyai banyak huruf-huruf yang hampir sama bunyi tetapi berlainan makhraj seperti huruf “ع” dan “ا”, “ط” dan “ت” dan lain-lain.
- (4) Membaca mengikut loghat daerah atau kelompok masyarakat.
- (5) Keliru dengan baris-baris pada setiap kalimah sama ada baris atas, bawah, hadapan, tanwin dan sebagainya. Contohnya seperti ayat:

ذهبت الى المدرسة مع اخي

- (6) Ayat ini memerlukan penguasaan nahu dan saraf yang baik untuk menentukan baris sama ada baris atas, bawah dan sebagainya bagi menzahirkan makna yang betul. Kesilapan baris akan menyebabkan berubah makna pada sesebuah ayat.
- (7) Menurut kajian yang dilakukan oleh Nazri Samsudin (2011), sikap malas murid untuk mengulangkaji bacaan dan membuat latihan adalah salah satu punca masalah penguasaan pelajar membaca dengan baik.

Kesimpulannya, bagi meningkatkan kemahiran membaca murid guru perlu berusaha mempelbagaikan kaedah, teknik dan strategi pengajaran serta bahan bantu mengajar dan pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Arab.

BACAAN INTENSIF DAN EKSTENSIF

Apabila murid sudah memperolehi asas dalam kemahiran membaca maka mereka hendaklah membaca dengan dengan lebih mendalam dan meluas. Bukan hanya setakat membaca secara kuat tetapi juga mesti menyebut perkataan-perkataan dengan jelas dan tepat, menggunakan intonasi, gaya dan tekanan yang betul tetapi memahami dengan baik apa yang mereka baca. Maka, untuk mencapai tahap ini latihan bacaan secara intensif dan ekstensif boleh dilaksanakan.

Bacaan Intensif

Bacaan intensif merupakan bacaan yang pada asasnya bertujuan mengembangkan kebolehan pelajar dalam meneliti, memahami dan mentafsir apa yang dibaca dengan tepat di samping menekankan kajian terhadap ciri-ciri tatabahasa, penggunaan perkataan dan pemakaian bahasa dalam konteks yang berlainan. Murid-murid biasanya memerlukan bimbingan dan bantuan penuh daripada guru terutama menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh murid.

Konsep Bacaan Intensif

- (1) Merupakan satu kegiatan membaca di bawah pimpinan guru.
- (2) Memberi asas kepada guru menjelaskan perkembangan perbendaharaan kata.
- (3) Mengkaji ciri tatabahasa iaitu susunan kata dalam ayat dan pengertian menurut kamus.
- (4) Mengembangkan usaha mengawal penggunaan bahasa dalam pertuturan.
- (5) Gerak laju dalam bacaan adalah amat penting.

Tujuan Bacaan Intensif

- (1) Untuk membolehkan pelajar membaca dengan baik. Betul dari segi sebutan, intonasi, lancar dan tahu menggunakan tanda bacaan dengan baik.
- (2) Untuk membolehkan pelajar menafsir apa yang dibaca.
- (3) Membaca secara senyap dengan kepantasan yang sewajarnya.
- (4) Membuat rumusan atau kesimpulan daripada apa yang telah dibaca.

Teknik Melaksanakannya

- (1) Bahan bacaan intensif boleh dibincang bersama pelajar dalam kelas dan dianalisis.
- (2) Pelajar hendaklah menggunakan kamus sebagai rujukan tatabahasa.
- (3) Aktiviti dalam kelas hendaklah berlainan setiap hari seperti hari pertama penggunaan imbuhan, hari kedua latihan rujuk kamus, hari ketiga, membaca dengan laju dan sebagainya.
- (4) Soalan untuk bacaan intensif ini boleh dipelbagaikan seperti bentuk objektif, betul salah, lisan atau bentuk jawapan bertulis.

Bacaan Ekstensif

Bacaan ekstensif adalah bacaan yang menekankan aktiviti membaca yang dilakukan di luar kelas. Ia biasanya menitikberatkan aspek pengukuhan asas bacaan, menambah kemahiran memahami dan menaakul isi bacaan, meningkatkan kepantasan membaca, membina dan memupuk minat membaca dan kebolehan memetik isi-isi penting. Menerusi bacaan ini pelajar akan mendapat kepuasan dan keseronokan.

Konsep Bacaan Ekstensif

- (1) Ia merupakan kegiatan membaca di luar kelas secara bersendirian tanpa bimbingan guru.
- (2) Bacaan ekstensif mengandaikan pelajar membaca bahan tanpa kesukaran, merasa kepuasan dan seronok untuk membaca.
- (3) Bahan bacaan sesuai dengan minat, umur dan pengalaman pelajar.
- (4) Bahan bacaan ekstensif harus dari bahan bacaan yang berbeza setiap hari.

Tujuan Bacaan Ekstensif

- (1) Membolehkan pelajar membaca sendiri tanpa bimbingan guru.
- (2) Membolehkan pelajar membaca dengan fasih.
- (3) Untuk memperkaya bahasa dan perbendaharaan kata, struktur ayat dan lain-lain.
- (4) Memberi peluang murid yang lebih cerdas untuk meluaskan bacaan dan membina daya kreatif.
- (5) Untuk meningkatkan mutu dan kepantasan membaca serta mempertingkatkan tahap penguasaan bahasa.

Teknik Bacaan Intensif

Disebabkan pelajar membaca tanpa bimbingan guru maka guru adalah sebagai pembantu atau perunding apabila diperlukan. Guru hendaklah mengesyorkan pelajar memilih bahan bacaan yang sesuai. Mereka juga hendaklah dilatih mengikut teknik berikut:

- (1) Pelajar hendaklah mengkaji kandungan bahan bacaan dengan mendapatkan tema atau persoalan pokok.
- (2) Membuat soalan berdasarkan bahan bacaan mereka.
- (3) Membaca selaju yang boleh.
- (4) Membuat kesimpulan terhadap isi-isi penting bahan bacaan yang di baca.

KAEDAH MEMPERTINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBACA

Untuk menjadikan aktiviti membaca lebih berkesan dan berkualiti, ada terdapat beberapa kaedah yang telah disarankan (Hassan Mohd Ali, 1996):

SQ3R

S: *Survey* iaitu menyelidik bahan bacaan sebelum membacanya seperti bahan yang hendak dibaca itu tentang apa dan bahagian mana yang perlu diberi perhatian.

Q: *Question* iaitu menimbulkan beberapa persoalan seperti apa, bagaimana, kenapa dan sebagainya setelah membaca bahan bacaan tersebut agar dapat menambahkan lagi pemahaman.

R: *Read* iaitu setelah persoalan ditimbulkan maka bahagian yang berkenaan perlu dibaca, maka dengan cara ini akan meningkatkan daya ingatan terhadap sesuatu fakta. *Recite*, iaitu mengucapkan kembali fakta yang telah dikenal pasti untuk diingati. *Review*, iaitu mengulang kaji semula bahagian yang telah dibaca.

Menyoal Diri Sendiri Dari Awal Hingga Akhir

Kaedah ini bertujuan mengingatkan seseorang supaya sedar tujuan pembacaan tersebut dan dapat menjadikan pembacaannya lebih berkesan.

Membaca Dengan Berhati-Hati

Membaca dengan penuh tumpuan agar dapat memperolehi isi bacaan yang dikehendaki. Ini dapat mengelakan seseorang itu membacanya berulang kali akibat tidak mengenal pasti isi yang dikehendaki.

Rumusan dan Ulangan

Rumusan dibuat sebelum seseorang itu menamatkan pembacaannya. Sebaik- baik rumusan adalah rumusan yang dibuat menggunakan ayat sendiri, ini menunjukkan pemahaman dan ingatan seseorang terhadap bahan yang dibacanya.

Tangani Masalah Membaca Dengan Berkesan

Seseorang itu perlu bijak menangani masalah yang timbul semasa membaca, antaranya seperti hilang minat untuk membaca, mengantuk, hilang tumpuan terhadap bahan bacaan dan sebagainya.

Strategi Membaca Teks

Strategi membaca teks sangat diperlukan agar dapat meningkatkan tahap penguasaan membaca. Pelajar selalu berhadapan dengan masalah membaca kerana tidak menguasai nahu yang betul, perbendaharaan kata yang betul dan juga makna ayat atau kalimah yang dibaca. Untuk mendapatkan pembacaan yang baik, pembaca perlu menggunakan strategi membaca agar proses membaca akan lebih mudah dan perlu belajar cara membaca yang efektif serta mengingatkan kandungan yang dibaca.

Strategi Membaca Yang Efektif

Banyak strategi yang efektif untuk membantu keberkesanan proses pembacaan. Bagi pembaca yang baik penggunaan tiga strategi sudah memadai. Penggunaan strategi yang berbeza sangat sesuai dan akan membantu pembaca yang kritikal terhadap pembacaan. Antara strategi tersebut iaitu, pembaca digalakkan menyediakan pen dan kertas bagi memudahkan pembaca menggunakannya apabila diperlukan. Ini disebabkan semasa membaca, pembaca perlu mencatat perkara yang penting untuk dirujuk bila diperlukan. Ini akan menjadikan pembaca lebih mengingati fakta yang penting.

Untuk memastikan proses membaca berlangsung dengan baik, adalah lebih baik pembaca meninjau sebelum membaca. Pembaca perlu membaca pengenalan dan kesimpulan, selepas itu kembali semula membaca keseluruhan teks tersebut agar pembacaan tadi lebih berkesan dan dapat mengesan isi bacaan tersebut.

Strategi lain, bagi mendapatkan kesan yang lebih mendalam, pembaca bolehlah mengimbas teks yang dibaca. Strategi ini akan membantu pembaca lebih fokus bagi perkara yang penting, dengan ini maklumat penting akan dapat diberikan perhatian yang lebih sebelum membaca secara keseluruhan.

Apabila sukar memahami teks, pembaca perlulah memperlahankan kelajuan membaca. Cara ini akan lebih memudahkan pembaca menyemak semula bacaan. Bagi teks yang sukar difahami seperti bahasa Arab, pembaca perlu menterjemahkan bahan yang dibaca kepada bahasa yang mudah difahami dengan menulis teks alternatif bertujuan memudahkan pembaca.

Berdasarkan strategi tersebut, pembaca bolehlah memilih strategi yang dirasakan sesuai supaya tujuan pembacaan yang berkesan dapat di capai dan sekaligus dapat mewujudkan masyarakat yang berpengetahuan.

KESIMPULAN

Kemahiran membaca dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah masih berada pada tahap lemah kerana pelajar tidak dapat menguasai kemahiran bahasa ini disebabkan kurang berminat terhadap bahasa Arab di samping kurang penggunaan bahasa ini dalam interaksi seharian. Mereka hanya mempelajari di sekolah dengan masa yang terhad dan kurang kesedaran tentang kepentingan bahasa ini menjadikan pembelajaran bahasa ini berada di tahap yang masih lemah. Walaupun kurang interaksi dalam bahasa ini, tetapi kemahiran berbahasa Arab amat penting dikuasai oleh pelajar agar mereka dapat membaca al-Quran dengan baik kerana bahasa Arab adalah bahasa al-Quran. Oleh itu sekolah agama memainkan peranan yang penting dalam proses pembelajaran bahasa Arab ini agar dapat dikuasai oleh pelajar dan pentingnya pelajar menguasai kemahiran membaca dalam bahasa Arab.

RUJUKAN

- Kamarudin Husin. 1986. *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa*. Selangor: Penerbitan Sarjana (M) Sdn Bhd.
- Kamarudin Husin. 1998. *Pedagogi Bahasa-Perkaedahan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mat Huda Sanusi. 1999. *Masalah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah-sekolah Agama Menengah di Daerah Sabak Bernam, Selangor*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Nazri Samsudin. 2011. Kajian Tindakan: *Meningkatkan Kemahiran Membaca Perkataan Bahasa Arab dan Ayat al-Quran* (14/12/2011).
- Kamus Dewan Edisi Kedua. 2009. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marziawati @ Ziah binti Mardan. 2003. *Kemahiran Membaca dan Menulis dalam Bahasa Arab di Kalangan Pelajar di Sekolah Menengah Islam Hidayah, Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.